

# Keberanian Dr Mahathir di PBB dipuji

BH 26 SEP 1991

**Y**  
KUALA LUMPUR, Jumaat — Tindakan berani Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersuara lantang di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menegakkan hak negara kecil adalah jihad mencari kebenaran yang patut dipuji dan diteladani.

Pelbagai pihak di negara ini sependapat sikap jujur Perdana Menteri itu, adalah tindakannya sebagai pemimpin negara yang bukan 'pak turut' kepada kuasa besar demi mendapat faedah daripada mereka.

Tokoh Maal Hijrah, Tan Sri SOK Ubaidullah, berkata kejujuran dalam menyatakan yang benar kerap kali mendukacitakan orang lain dan dalam hubungan ini, memang ada pihak tidak menyukai tindakan beliau.

"Namun, pada masa yang sama kita yakin, Perdana Menteri semakir dihormati kerana beliau membuktikan bahawa biarpun negara ini kecil, ia tidak boleh diperbudak-budakkan.

"Biarpun menyedari implikasinya, Perdana

Menteri terus berjihad dengan menunjukkan kesetiaan orang lain mengikut garis yang betul dan dalam hubungan ini mahukan PBB mengamalkan demokrasi tanpa tunduk kepada kuasa besar," katanya.

Timbalan Presiden Majlis Belia Malaysia, Encik Fuad Datuk Hassan, menyifatkan Perdana Menteri mencatat sejarah dengan kritik lantang yang membina terhadap sikap bermuka-muka PBB yang tunduk kepada kuasa tertentu.

Menyifatkan Perdana Menteri antara pemimpin negara pertama paling berani mengkritik kuasa veto kuasa besar dan sewajarnya sejarah dunia mengiktiraf sumbangan itu sebagai perintis dan wakil Dunia Ketiga bagi mencari perubahan.

Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perusahaannya Melayu Malaysia cawangan Wilayah Persekutuan, Encik Mohd Ezat Amir, berkata keberanian Perdana Menteri bersuara tegas sekali lagi meletakkan Malaysia

semakin penting di dunia.

Katanya, usaha dinamik itu memberi kesan penting khusus ke arah kebebasan dan kejayaan negara sedang membangun dan seterusnya menjadikan dunia tempat yang selesa dihuni.

Malah katanya, tindakan berani dan ikhlas itu menjadi contoh kepada pemimpin dunia ketiga yang lain melahirkan pandangan dan tidak terikut-ikut serta tunduk kepada hawa nafsu serta kepentingan mereka yang menjadi kuasa dunia.

Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia, Datuk VKK Teagarajan, memuji sikap Perdana Menteri yang menekankan semua anggota PBB diberi hak membentuk Orde Baru Dunia dan tidak kepada beberapa negara berkuasa.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Encik Hamdan Adnan, berkata Datuk Seri Dr Mahathir begitu berani bersuara menentang amalam sikap purapura PBB walaupun menyedari kesannya.